

03 NOV 1997

G15-Abdullah

MASIH BANYAK YANG PERLU DILAKUKAN OLEH G15, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- G15 perlu melakukan "lebih banyak lagi" untuk meningkatkan kerjasama Selatan-Selatan, kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

"Masih banyak yang perlu dilakukan," katanya kepada pemberita di sini.

Kumpulan itu akan memastikan negara-negara anggota mempunyai lebih banyak projek yang boleh mengeratkan lagi G15 dan pada masa yang sama meraih faedah daripada projek-projek itu, katanya ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menggesa negara-negara anggota menilai semula kekurangan mereka selain menggabungkan potensi mereka.

Ketika merasmikan sidang kemuncak ketujuh G15 di sini hari ini, Dr Mahathir berkata negara-negara Selatan perlu menerokai pasaran baru dan menjalin perkongsian dalam pelbagai bidang di kalangan mereka.

Abdullah berkata perkara itu dibincangkan pada mesyuarat persediaan menteri-menteri luar kumpulan itu Sabtu lepas.

"Kami akan membentangkan laporan kami kepada sidang kemuncak itu dan saya yakin sidang kemuncak akan membincangkan topik itu," katanya.

Abdullah, bagaimanapun, berkata ia akan mengambil masa bagi projek-projek yang diusahakan oleh G15 untuk membuahkan hasil.

Antara projek yang menunjukkan kemajuan ialah projek bank baka India, pusat kecemerlangan Malaysia dan peraturan pembayaran dua hala, katanya.

Beliau berkata walaupun G15 sedang bergerak ke hadapan, masih banyak yang perlu dilakukan.

Mengenai sambutan terhadap mesyuarat G15, Abdullah berkata hubungan antara negara G15 bertambah baik terutama dari segi kerjasama projek.

"Kita tidak boleh membuat andaian hanya kerana beberapa orang ketua negara tidak dapat datang ke mesyuarat ini. Mereka ada sebab-sebab tertentu tapi mereka menghantar wakil-wakil mereka untuk mengambil bahagian dalam mesyuarat," katanya.

Abdullah berkata, sambutan terhadap kumpulan itu dapat dilihat dengan pameran perdagangan yang diadakan sempena sidang kemuncak kali ini yang semakin baik berbanding sebelum ini.

"Ini bermakna negara G15 merasakan pada waktu ini sudah tiba masanya memperkenalkan barang-barang buatan negara mereka, kerana mereka tahu di negara Selatan juga ada pasaran...dan pasaran ini ialah pasaran yang berkemampuan," katanya.

G15 terdiri daripada Algeria, Argentina, Brazil, Chile, India, Indonesia, Jamaica, Malaysia, Mesir, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Zimbabwe. Kenya diterima sebagai anggota terbaru pada sidang kemuncak di sini.

-- BERNAMA

RAZ AKD